

Headline	Jemaah haji kumpulan kedua tiba		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Nov 2013	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	11	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	326 cm ²
Journalist	MARLINDA MARDZUKI	AdValue	RM 741
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,223



Jemaah haji kumpulan kedua tiba

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Isnin — Seramai 279 jemaah haji Sarawak dari kumpulan kedua yang berangkat dari Jeddah, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), dekat sini, petang tadi.

Ketibaan mereka disambut oleh Menteri Muda Hal Ehwal

Islam Datuk Haji Daud Abdul Rahman dan Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak (MIS) Datu Putit Matzen.

Hadir sama untuk menyambut kedatangan rombongan itu ialah Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji, Haji Hamid Awang.

Menurut kenyataan media, jemaah haji berkenaan tiba jam 4.15 petang dengan pesawat Malaysia Airlines (MAS) setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah pada 11 November 2013, jam 6.25 pagi.

Sebelum ini, kumpulan perta-

ma 281 jemaah haji Sarawak telah pun selamat tiba di LTAK pada 8 November lalu.

Keseluruhan jemaah haji Sarawak yang dapat menunaikan fardhu haji pada tahun ini ialah seramai 672 orang.



GEMBIRA... Sanak saudara menyambut ketibaan jemaah haji dengan gembira. Sebahagian jemaah haji yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching memakal topeng atas kebimbangan terhadap penyebaran virus Sindrom Pernafasan Asia Barat atau Middle East Respiratory Syndrom Coronavirus (MERS-CoV). NORDIN MD DIAH